

## Pengguna MRT meningkat sejak dilancarkan

**KUALALUMPUR** - Jumlah pengguna perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) menunjukkan peningkatan sejak hari pertama operasi sepenuhnya.

Ketua Eksekutif Rapid Rail Sdn Bhd, Datuk Ir Zohari Sulaiman berkata, sebanyak 96,606 pengguna direkodkan pada Rabu berbanding 90,409 pengguna pada hari sebelumnya.

“Dalam tempoh dua hari sahaja bagi operasi sepenuhnya sebanyak 6,197 peningkatan direkodkan.

“Pengguna sudah mula memilih menggunakan MRT. Jadi kita jangka jumlah akan terus meningkat setiap hari,” katanya mengulas berhubung perkembangan semasa perkhidmatan MRT Laluan SBK selepas dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak Isnin lalu.